

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (85)

19 Julai 2022
19 Zulhijjah 1443H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 25/2022

PENEMPATAN PEJABAT PENDAFTAR AKADEMIK (UTM ARO) DARI JABATAN TIMBALAN NAIB CANCELOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA) KE JABATAN PENDAFTAR

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 23/2021 bertarikh 6 Disember 2021 telah meluluskan Penempatan Pejabat Pendaftar Akademik (UTM ARO) merangkumi Bahagian Rekrutmen & Kemasukan (Student Recruitment & Admission Division atau singkatannya SRAD) dan Bahagian Pengurusan Akademik (Academic Management Division atau singkatannya AMD) dari Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) ke Jabatan Pendaftar.

2. Penempatan semula ini adalah selaras dengan keperluan sistem penyampaian perkhidmatan berkualiti dan peningkatan keberkesanan dalam pengurusan hal ehwal akademik mahasiswa, tarikh kuatkuasa penempatan semula ini adalah pada **1 Julai 2022**. Berikutan penempatan ini, nama UTM ARO akan bertukar menjadi Bahagian Pengurusan Akademik (BPA), Jabatan Pendaftar sepertimana Pekeliling Pentadbiran Bil. 14 Tahun 2014.

3. Sesuai dengan penempatan tersebut, struktur organisasi baharu Jabatan Pendaftar adalah seperti di **Lampiran 1**.

4. Peranan dan **tugas utama** BPA terkini adalah seperti berikut:

- 4.1 Pemasaran Program
- 4.2 Pengambilan Pelajar
- 4.3 Pendaftaran Pelajar
- 4.4 Pengurusan Rekod Pelajar
- 4.5 Perkhidmatan Pengurusan Akademik

- 4.6 Peperiksaan/Penilaian
- 4.7 Pengurusan Pengijazahan
- 4.8 Anugerah Hadiah Akademik
- 4.9 Pengurusan Majlis Konvokesyen

5. Sehubungan dengan itu, semua staf diminta mengambil maklum akan penempatan BPA dari Jabatan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) ke Jabatan Pendaftar.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

CADANGAN STRUKTUR BAHARU JABATAN PENDAFTAR

PENDAFTAR

